

25 MAY 1999

DPMM-PETRONAS

DPMM GESA PETRONAS BERI PERANAN LEBIH BESAR PADA KONTRAKTOR TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) hari ini menggesa syarikat minyak negara, Petroliam Nasional Bhd (Petronas), supaya memberikan peranan lebih besar kepada kontraktor tempatan, terutamanya Bumiputera, dalam pemberian kontrak-kontraknya.

Setakat ini, Petronas kurang mengutamakan syarikat tempatan untuk menjadi kontraktor utama kerana alasan seperti keperluan teknikal, kata Senator Haji Rosli Mat Hassan, yang merupakan Pengerusi Sektor Strategik Petrokimia DPMM.

"Petronas mesti ubah sikap. Kita mahukan mereka serius meletakkan Bumiputera dalam sektor ini," kata beliau dalam satu sidang akhbar di sini hari ini.

Syarikat Bumiputera yang terlibat dalam kerja-kerja kontrak berkaitan industri gas dan minyak di negara ini berjumlah lebih 2,000 dan antara 10 hingga 15 syarikat berkeupayaan untuk menjadi kontraktor utama, katanya.

Menurut beliau setakat ini, syarikat-syarikat utama Bumiputera yang terlibat dalam kerja-kerja kontrak sektor minyak dan gas biasanya hanya terlibat sebagai kontraktor lapisan kedua dan nilai kontrak yang diperolehi pada puratanya adalah lebih kurang RM100 juta setahun dan jumlah ini masih kecil.

Kontrak bernilai antara RM300 juta hingga RM400 juta untuk setiap sebuah syarikat sudah cukup, katanya.

Norway, negara yang hanya mempunyai lebih kurang lima juta penduduk dan syarikat kejuteraan minyak yang utama di dunia merupakan negara yang patut dicontohi, kata beliau.

"Industri minyak di Norway bermula pada masa yang sama dengan Malaysia tetapi sekarang mereka adalah peneraju dalam teknologi hiliran dan hulu sektor gas dan minyak."

Mereka telah mengamalkan dasar di mana pelabur asing dalam sektor tersebut perlu memberikan jumlah kontrak tertentu kepada syarikat Norway.

Menurut Rosli lagi, DPMM mahukan kerajaan meminda Akta Petroleum 1974 and tidak lagi mengutamakan Petronas sebagai badan induk dalam sektor minyak negara.

Menurut beliau, DPMM menyokong cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara supaya monopoli Petronas dipecahkan dan sebahagian anak syarikatnya diswastakan.

Dewan tersebut mencadangkan agar sebuah Kementerian, Jabatan atau Lembaga diwujudkan untuk menyelia industri minyak negara ini kerana sekarang ini Petronas yang mengawal dasar, terlibat sama dalam industri tersebut.

Rosli berkata DPMM juga mahukan syarikat-syarikat petroleum antarabangsa di Malaysia dilesenkan dibawah badan baru yang dicadangkan kerana pada masa ini mereka hanya perlu berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Ini akan menjadikan syarikat asing lebih peka mengenai dasar negara tentang penglibatan syarikat Malaysia dalam petrokimia industri dan dengan itu meningkatkan komponen tempatan, katanya.

Pada kebiasaannya syarikat asing yang melabur disini bukan sahaja membawa kontraktor utama tetapi juga sub-kontraktor asing, tambahnya.

Menurut Rosli, memorandum cadangan DPMM akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kementerian Kewangan tidak lama lagi. -- BERNAMA

MSL JR